

JULAI
2023

Dipinisi
Kesewilangan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

Daulat Tuanku

MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI-TINGGI UCAPAN TAHNIAH



Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-64 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 30 Julai 2023 bersamaan 12 Muharam 1445 Hijrah.

Sembah Takzim daripada Pengurus, Ahli Perbadanan, Pengurusan serta Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.

PROJEK PEMBANGUNAN LADANG SOLAR LSS4 DI PEKAN, PAHANG

Pekan, 14 Julai - PKNP Reneuco Suria Sdn. Bhd. merupakan syarikat yang ditubuhkan khas oleh PKNP dan juga Reneuco Berhad bagi projek solar berkapasiti 50MV(AC) di atas tapak milik PKNP seluas 230 ekar di Mukim Kuala Pahang, Pekan, Pahang.



YH Dato' Mohd Faizal bersama-sama wakil dari Reneuco Berhad dan wakil-wakil kontraktor

Projek ini kini telah mencapai 50% bagi kerja-kerja di tapak dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2023.

Satu majlis bacaan doa selamat serta lawatan tapak telah diadakan dan dihadiri oleh wakil-wakil PKNP yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP iaitu Dato' Mohd Faizal bin Jaafar. Begitu juga dengan kehadiran wakil-wakil daripada Reneuco Berhad yang diketuai oleh Encik Khairil Ikhzan bin Abd Aziz diikuti dengan kehadiran wakil-wakil kontraktor yang terlibat dalam projek ini.

Projek ini bakal menyediakan 200 peluang pekerjaan di samping menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Negeri Pahang secara amnya.

PKNP - POLIAS METERAI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK



Sijil Kolaborasi Strategik antara PKNP dan POLIAS bertukar tangan dalam satu majlis ringkas di Sri Manja Boutique Hotel, Kuantan

Kuantan, 6 Julai - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah menghadiri Majlis Pertukaran Sijil Kolaborasi Strategik & Perlantikan Advisor, Enabler, Benefactor Spoke TVET Collaboration Hub anjuran Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLIAS) bertempat di Sri Manja Boutique Hotel, Kuantan.

Dalam majlis tersebut PKNP dan POLIAS telah menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik yang mana dengan termeterainya ikatan strategik tersebut, maka kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang-bidang yang berkaitan termasuk Corporate Social Responsibility (CSR), penyelidikan, inovasi dan sebagainya.

Selain itu, Pengarah POLIAS, Puan Hajah Norehan binti Silek juga berharap agar hubungan strategik ini dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran TVET dan peluang kemahiran kepada para pelajar dan graduan POLIAS dalam meningkatkan kualiti serta kebolehpasaran graduan POLIAS di arena kerjaya kelak.

Turut hadir di pihak PKNP adalah Pegawai Perhubungan Awam, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.

DALAM KENANGAN - TUAN HAJI MD DAUD BIN ABDUL RAHMAN (MANTAN PENGURUS PERINDUSTRIAN PKNP)

(*Patah tumbuh, hilang tiada gantinya*)

(14 Oktober 1967 - 20 Julai 2023)

Allahyarham Tuan Haji Md Daud Abdul Rahman dilahirkan pada 14 Oktober 1967 di Kampung Marhum, Pekan, Pahang Darul Makmur. Anak ke - lima dari enam beradik ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Marhum, SMK Tg Abdullah Pekan dan SMK Ahmad Pekan.

Seorang yang mengutamakan pendidikan dalam hidup, Allahyarham berjaya melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat sarjana di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Bermula tahun 2021, Allahyarham melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah (PHD) dalam bidang Pengurusan Perniagaan di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Allahyarham telah mengabdiakan 30 tahun perkhidmatannya di Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Allahyarham memulakan perkhidmatan di PKNP pada 1 November 1993, lalu memperoleh lantikan tetap pada 1 Januari 2003. Allahyarham pernah berkhidmat di Unit Pembangunan Usahawan, Pembangunan Industri & BIM, Unit Komunikasi Korporat dan Bahagian Perindustrian.

Allahyarham merupakan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PKNP pada tahun 2008, penerima Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Pahang (AMP.) pada tahun 2007, penerima Darjah Kebesaran Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP.) pada tahun 2016 dan menerima Darjah Setia Mahkota Pahang (SMP.) pada tahun 2018.

Malah, Allahyarham juga aktif membabitkan diri dalam pelbagai aktiviti di luar bidang tugas

sehingga pernah dinobatkan sebagai Penerima Anugerah Utama Pertandingan Slogan Bajet Matan Belanjawan Pahang 2023 baru-baru ini. Allahyarham juga merupakan Ketua Kontinjen PKNP bagi Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pahang, Ketua Kontinjen PKNP bagi Sambutan Maulidurrasul Peringkat Negeri Pahang, Pengurus Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota Kerajaan Pahang (MAKSAK), Pemain boling MAKSAK Negeri Pahang ke Kejohanan MAKSAK Malaysia dan terlibat dalam pertubuhan Ahli Persatuan Orang Buta Malaysia.

Di PKNP, banyak sumbangan Allahyarham sepanjang perkhidmatannya, antaranya sebagai Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Kaitangan Kumpulan PKNP Pahang Berhad, Ahli Lembaga Pengarah Rumpun Timur Sdn Bhd, Ahli Lembaga Pengarah Realistic Attraction Sdn Bhd, Ahli Lembaga Pengarah PKNP Reneuco Suria Sdn Bhd, Pengurus Pasukan Boling Sukan Gemaputera dan Ahli Jawatankuasa Gebeng Industrial Support Group (GISG).

Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar untuk PKNP. Sesungguhnya telah banyak jasa dan bakti yang telah beliau curahkan. Benar kata pepatah, patah tumbuh hilang berganti, namun takkan sama dengan yang telah pergi.

Warga Kerja PKNP mengucapkan salam takziah kepada seluruh anggota keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan memperoleh keampunan daripada Allah SWT.



LAWATAN KERJA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP KE LADANG SAWIT PKNP HULU TEMBELING, JERANTUT, PAHANG DARUL MAKMUR

Jerantut, 3 Julai - Satu lawatan kerja ke Ladang Kelapa Sawit Hulu Tembeling, Jerantut yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah diadakan bertujuan melihat kemajuan projek ladang sawit tersebut yang diseliakan oleh anak syarikat milik penuh PKNP, PKNP AgroTech Sdn. Bhd.



Sesi penerangan telah dilakukan oleh Pengurus Kanan Perladangan PKNP AgroTech Sdn. Bhd

Selesai lawatan sekitar ladang sawit yang berkeluasan lebih kurang 10,000 ekar tersebut, delegasi PKNP telah diberikan taklimat oleh Pengurus Kanan Perladangan PKNP AgroTech Sdn. Bhd, Encik Shafee bin Jamaludin serta Pengurus Ladang Hulu Tembeling, Encik Mohd Reduan bin Mat Johari mengenai perancangan semasa dan akan datang bagi memastikan projek ladang sawit ini dapat memberikan pulangan yang tinggi kepada organisasi serta kaedah-kaedah bagi mengawal isu ancaman haiwan liar yang menjadi punca utama kerosakan pokok-pokok sawit yang telah ditanam sebelum ini.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim serta Pegawai Perhubungan Awam, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.

Manakala di pihak anak syarikat, PKNP AgroTech Sdn. Bhd. dihadiri oleh Pengarah Eksekutif, Encik Mohamad Zali bin Mat Aris, Pengarah Operasi Ladang Hulu Tembeling, YH. Dato' Haji Lias bin Md Nor serta pegawai-pegawai yang berkaitan.

PKNP HADIR MERIAHKAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA KORBAN JPKK KG PADANG, JERANTUT



PKNP cakna akan nasib golongan yang kurang berkemampuan di Negeri Pahang

Jerantut, 2 Julai - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Korban anjuran JPKK Kg. Padang, Jerantut di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut juga, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menyampaikan sumbangan zakat PKNP kepada 21 orang asnaf yang merupakan penduduk di Kg Padang, Jerantut yang berada dalam kategori miskin, sakit terlantar dan kurang upaya.

Dalam ucapan aluan beliau, YH. Dato' Mohd Faizal memohon agar penduduk-penduduk JPKK Kg. Padang untuk bersama-sama mendakwa agar PKNP sentiasa sukses dalam sektor perniagaan yang dijalankan dan dapat terus menjana keuntungan serta seterusnya dapat menyumbang zakat kepada lebih ramai golongan yang memerlukan di masa akan datang.

Turut hadir mengiringi Ketua Pegawai Eksekutif PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Ibrahim bin Hashim serta Pegawai Perhubungan Awam, Puan Dhaleazafarina binti Md. Zabani.



Penduduk Kg. Padang, Jerantut terharu dengan sumbangan yang diberikan oleh PKNP

PKNP DI TAKLIMAT FORUM WACANA ILMU WANITA INSPIRASIKU KEMAS NEGERI PAHANG



9 JULAI 2023 RADE SHOPPING MALL | FORUM WACANA ILMU SEMPEN

Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku dihadiri hampir 100 orang di ruang legar Kuantan Parade

Kuantan, 9 Julai - Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan PKNP telah dijemput sebagai panel di Forum Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku bertempat di ruang legar Kuantan Parade.

Forum ini diadakan sempena Karnival Wanita Inspirasiku anjuran KEMAS Negeri Pahang. Panel forum terdiri daripada Encik Nasry bin Kassim, Puan Nurul Shuhada binti Mohd Khan (Usahawan KEMAS dari Pekan), Puan Normah binti A Rahman (Usahawan KEMAS dari Jerantut) dan diacarakan oleh selebriti terkenal Sharifah Shahira.

Melalui forum berkenaan telah dibincangkan berkenaan cabaran usahawan masa kini dan solusi yang perlu diambil oleh usahawan ambil tindakan dalam menangani cabaran tersebut. Turut diulas berkaitan kemudahan bantuan Skim pinjaman dan dana yang disediakan oleh kerajaan.

Para peserta forum turut dipelawa berkunjung atau berhubung dengan Bahagian Keusahawanan PKNP untuk sebarang khidmat nasihat dalam usaha mengembangkan perniagaan masing-masing.



PERLAWANAN PERSAHABATAN PKNP VS PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR



PKNP DARTERS KEKAL JUARA



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURU FOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar